

30 OCT 1999

Mahathir-Thailand

M'SIA DAN THAILAND CONTOH DALAM MENYELESAIKAN PERTIKAIAN

ALOR SETAR, 30 Okt (Bernama) -- Malaysia dan Thailand hari ini menandatangani dua perjanjian yang boleh dijadikan contoh kepada masyarakat antarabangsa mengenai bagaimana menyelesaikan pertikaian wilayah antara dua negara jiran.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata: "Kita baru sahaja menandatangani dua perjanjian yang akan membolehkan kita meneroka kawasan pembangunan bersama yang bertindih di Teluk Siam."

Kedua-dua kerajaan telah mencapai persetujuan yang penerokaan akan dijalankan secara bersama dan hasilnya dikongsi 50:50, kata beliau dalam persidangan berita bersama dengan Perdana Menteri Thailand, Chuan Leekpai, di sini.

Majlis menandatangani dua perjanjian yang disaksikan oleh kedua-dua Perdana Menteri itu diadakan di Wisma Darul Aman.

Chuan berkata: "Terdapat banyak kawasan di dunia dengan jiran-jiran bertikai kerana wilayah tetapi ini kali pertama dua negara jiran dapat bersetuju untuk berkongsi hasil.

"Ini saat yang bermakna bagi yang lain, hasilnya bukan sahaja akan dinikmati oleh kedua-dua negara tetapi juga boleh berfungsi sebagai model bagi masyarakat antarabangsa dalam menyelesaikan semua pertikaian wilayah melalui kaedah yang praktikal dan menguntungkan."

Dua perjanjian itu ditandatangani oleh Petroliam Nasional Berhad (Petronas) dan Pihak Berkuasa Petroleum Thailand (PTT). Satu daripada perjanjian ialah jualan gas dengan pemaju Blok A-18 di Kawasan Pembangunan Bersama (JDA) Malaysia-Thai (MTJDA) untuk membeli bersama gas asli daripada blok luar pesisir di JDA.

Satu lagi ialah perjanjian ekuiti bagi pembangunan Sistem Paip Gas-Thailand-Malaysia (TTM) dan dua kilang pengasing gas di Chana, dekat Songkhla, di Thailand.

Mengenai pertemuannya dengan Chuan sebelum persidangan berita, Dr Mahathir berkata mereka membincangkan industri perikanan, tentera pengaman di Timor Timur serta keretapi dan komunikasi lain antara kedua-dua negara.

Secara amnya kedua-dua belah, sangat positif mengenai prospek kerjasama lebih erat, kata beliau lagi.

Chuan berkata, industri perikanan mempunyai potensi dalam bidang kerjasama bagi manfaat bersama.

-- BERNAMA

Team PR